

September 2023

KELESTARIAN ALAM



Peranan Generasi Muda

Generasi muda di negara ini perlu menjadi barisan paling hadapan dalam memperjuangkan isu-isu alam dan kelestarian alam.

Generasi muda yang rata-ratanya celik internet dan media sosial perlu menggunakan kelebihan berkenaan untuk menarik lebih ramai orang menjaga alam sekitar.

Ambil contoh gerakan 'plogging' menjadi 'trend' di negara-negara luar yang sebenarnya hanyalah aktiviti mengutip sampah sambil berjoging tetapi dengan bantuan media sosial yang ada hari ini, ia menjadi ikutan ramai dan berjaya

Gaya Hidup

Masyarakat negara ini terutamanya generasi muda juga perlu mengamalkan gaya hidup rendah karbon dalam kehidupan seharian mereka



Statistik pembuangan sampah

Di Malaysia hampir 39,936 tan sampah dibuang setiap hari sepanjang tahun 2022.

Secara tahunan, Malaysia menghasilkan hampir 13.5 juta tan sampah.

Apa yang lebih merisaukan, angka ini semakin lama semakin bertambah seiring dengan pertambahan jumlah penduduk Malaysia.

